



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KENYATAAN MEDIA YB. MENTERI KERJA RAYA

### **PENGUMUMAN PEMBUKAAN LEBUHRAYA KUALA LUMPUR KARAK**

1. Dengan ini, adalah dimaklumkan bahawa lebuh raya KL-Karak akan dibuka kepada semua kenderaan secara berperingkat-peringkat
2. Pembukaan peringkat pertama, lebuh raya adalah pada hari ini iaitu 14 November 2015 (Sabtu) pada jam 2.00 petang dimana laluan satu lorong dua hala akan dibuka bagi membolehkan pengguna dari pantai timur menuju ke Kuala Lumpur dan juga dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur. Laluan aliran kontra ini akan disediakan bermula di KM52.4 dan berakhir di KM50.0
3. Pembukaan sepenuhnya lorong bagi kedua-dua hala dijangka akan dibuka pada 15 November 2015 (Ahad) pada jam 2.00 petang.
4. Kelewatan untuk membuka kesemua lorong kedua-dua hala adalah kerana pihak konsesi lebuh raya dalam proses membaikpulih permukaan jalan akibat banjir lumpur.
5. Semua pengguna adalah diminta untuk mematuhi semua papan tanda yang disediakan dan arahan daripada petugas ditapak.
6. Pengguna juga diminta untuk berhati hati semasa melalui lokasi aliran kontra di atas.
7. Pihak konsesi ANIH Bhd dan LLM akan memantau lokasi kejadian setiap masa demi keselamatan pengguna.
8. Pengguna akan dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai perkembangan pembukaan laluan ini

**YB. DATO' SRI HJ. FADILLAH YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**14 NOVEMBER 2015**

**1.00 PM**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my